

Bukti kewujudan Laksamana Hang Tuah

Setiap negara memiliki sejarah dan kepahlawanan masing-masing. Demikian juga dengan Malaysia yang terkenal dengan Laksamana Hang Tuah yang digambarkan sebagai tokoh sejarah Tanah Melayu yang memiliki kuasa luar biasa daripada segi ilmu persilatan dan firasat.

Demi mengesahkan kewujudan Hang Tuah dalam sejarah, maka buku *Hang Tuah; Catatan Jkinawa* diterbitkan. Rentetan daripada penerbitan buku terbabit, sebuah lagi buku *Hang Tuah; Catatan Vijayanagara* dihasilkan.

Buku *Hang Tuah: Catatan Vijayanagara* adalah catatan gabungan Prof Emeritus dan Prof Linguistik Melayu di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Emeritus Dr Hashim Musa; Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM (menghusus dalam Bahasa Jepun dan Psikolinguistik), Dr Rohaidah Kamaruddin dan Shamshull Kamar Ahmad.

Bagi membuktikan lagi kewujudan watak Laksamana Melaka ini, penulis ke Vijaya-

info

- Penerbit UPM (Cetakan Kedua 2018)
- Muka surat: 173 halaman
- Harga: RM54

nagara, India seperti yang tercatat dalam buku *Hikayat Hang Tuah*.

Penulis juga ke Hampi, iaitu jajahan Empayar Vijayanagara bagi mendapatkan dapatan primer yang lebih jelas dan dapatan kajian itu diinterpretasikan dalam bentuk penulisan.

Hikayat Hang Tuah mencatatkan bahawa Laksamana ke Vijayanagara untuk berkhidmat di bawah Maharaja India di jajahan Vijayanagara.

Penulis berharap penulisan buku itu dapat menambah kukuhnya dapatan adiwira yang diberi nama Hang Tuah ini benar-benar wujud dalam sejarah kegemilangan Empayar Melaka.

